

21/12/1997

PM ajak pelumba dunia sertai LTDL

Halmi Samad

LE Tour de Langkawi (LTDL) boleh menjadi jelajah terunggul di dunia kerana ia menjanjikan persaingan yang lebih mencabar dan getir daripada Le Tour de France serta Giro d'Italia.

Lantaran itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak semua pelumba terkemuka dunia menguji kekuatan mereka dengan menyertai LTDL di masa depan.

"Mungkin cuaca sejuk menyebabkan pelumba lebih sedap berlumba dalam Le Tour de France. Tapi keupayaan mereka akan diuji sepenuhnya dalam cuaca panas, berbahang dan basah kalau sertai Le Tour de Langkawi."

"Ketika itu, barulah mereka tahu keupayaan sebenar. Kalau betul-betul hebat, mereka patut berlumba dalam Le Tour de Langkawi," katanya ketika berucap di Majlis Sekalung Budi Le Tour de Langkawi 1998 di Kota Permai Golf & Country Club, semalam.

Dr Mahathir yang juga penaung First Cartel (M) Sdn Bhd - penganjur LTDL '98 percaya lambat laun jelajah itu akan memikat hati dan menjadi agenda utama dalam kalendar pelumba terkemuka dunia.

"Kita sepatutnya tidak berlumba-lumba dengan Le Tour de France. Kita ada kelebihan tersendiri. Jadi, kita kena gunakan kelebihan itu untuk mengharumkan jelajah Le Tour de Langkawi," katana.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri mencadangkan arena penamat LTDL diubah semula daripada Kuala Lumpur ke Langkawi demi mengekalkan keaslian nama `Le Tour de Langkawi'.

"Baru-baru ini saya berbincang dengan beberapa pihak di Langkawi. Dalam perbincangan itu, mereka nyatakan ada lebih baik kalau jelajah ini berakhir di Langkawi."

"Jadi, saya cadangkan kalau boleh ia diubah semula. Tapi terpulanglah kepada penganjur sama ada setuju atau tidak. Saya cuma cadangkan saja," katanya.

Perdana Menteri turut menyuarakan pandangan betapa Sabah dan Sarawak harus diselitkan dalam rangkaian laluan dalam jelajah selama 12 hari itu yang akan bermula 18 Februari ini.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif First Cartel, Wan Lokman Wan Ibrahim menegaskan laluan LTDL '98 tidak akan diubah kerana pihaknya sudah kesuntukan masa.

"Kami sanjung pandangan Dr Mahathir. Tapi masa sudah suntuk dan saya percaya agak sukar untuk kami ubah semula semua 12 peringkat laluan," katanya.

(END)